

# Jujur membawa kehidupan yang tenteram

UG 7-5-2014 24



BICARA KAMPUS

Oleh ZAITON MOHAMAD  
zaiton.mohamad@yahoo.com

**PERNAHKAH** suatu ketika anda berasakan dunia ini terlalu kejam pada diri anda. Anda berasakan dunia semakin tidak membawa erti bagi diri anda. Pertanyaan sebegitu akan lahir daripada mulut orang yang sudah tentunya dalam keadaan kecewa, berputus asa dan mempunyai pandangan yang negatif terhadap dunianya.

Namun ada sesetengah manusia melihat setiap apa yang berlaku ke atas dirinya sebagai suatu fenomena yang luar biasa yang terpaksa dilaluinya. Semua yang berlaku dilihat seolah-olah ada sebab dan musabab di atas semua perbuatannya sebelum ini. Orang yang sebegini dikatakan sebagai orang yang sentiasa berfikiran

rasional dan mempunyai sikap yang positif dalam hidup. Justeru itu bagi orang yang sentiasa mengamalkan nilai-nilai murni seperti sentiasa berlaku jujur dalam kehidupannya akan senantiasa merasa aman dan tenteram, walaupun pelbagai perkara yang terpaksa dilaluinya, namun sikap jujur akan mengatasi segalanya.

Di samping itu juga kejujuran akan dapat dilihat dari sudut personalitinya, gaya berpakaian, perwatakan, tutur katanya malah kontak matanya juga boleh diinterpretasikan. Senyuman dan mimik muka juga boleh mencerminkan identiti seseorang itu sama ada bercakap benar atau pun suka berbohong.

Orang yang suka bercakap jujur akan melihat dirinya sebagai seorang yang tidak boleh memutarbelitkan fakta dan sekiranya cuba berbohong ia amat ketara. Keadaan ini disebabkan kejujuran adalah

satu sifat yang wajib untuk mengamalkannya, bukan hanya setakat agama, malah setiap orang yang mempunyai agama atau tidak, semuanya menegaskan akan keperluan seseorang untuk berlaku jujur.

Sebagai contohnya semenjak kecil kita diajar dengan pepatah siakap sinohong gelama ikan duri, bercakap bohong lama-lama mencuri. Daripada rangkap pantun tradisional ini sudah menjelaskan bahawa perbuatan yang suka berbohong sebenarnya akan memberi kesan yang lebih besar pada kemudian hari. Kelihatan pantun itu sebagai satu perkara biasa namun apabila diteliti ia memberi makna yang mendalam dalam kehidupan seseorang samada bekerja sendiri, swasta mahupun penjawat awam.

Kejujuran mempunyai perkaitan negatif dengan sikap berbohong. Sebagai contohnya dalam melihat

integriti seseorang pekerja adakah seorang yang jujur atau berbohong dapat dinilai dengan mata kasar? Ramai yang berjaya mengenalpasti sikap berbohong seseorang namun amat sukar untuk mengenali sikap seseorang yang jujur.

Berapa ramai individu yang kelihatan jujur dihadapkan kemuka pengadilan kerana pecah amanah, melakukan kes-kes jenayah kolar putih dan sebagainya. Keadaan ini berlaku kerana kejujuran yang ada di dalam diri mereka tidak berintegriti dengan Allah. Mungkin mereka jujur dengan majikan apabila selalu diselia dan diperhatikan, sekiranya melakukan kesilapan sedikit mungkin juga boleh dilindungi. Oleh sebab itu ramai penjenayah kolar putih ini kelihatan baik dan jujur kerana pada awalnya mereka berjaya melindungi aktiviti haram mereka dengan lakonan dalam hidupan.

Namun begitu apabila selalu melakukan pembbohongan maka lama kelamaan pembbohongan akan terbongkar, maka Allah akan bukakan pembbohongan itu hanya dengan sebab yang paling kecil sahaja. Oleh sebab itu hargailah insan-insan yang sentiasa berkelakuan jujur dan menjadikan Allah sebagai majikan mereka apabila berurusan dengan anda.

Justeru itu dalam merealisasikan kehidupan yang penuh kejujuran maka kita sepatutnya kembali mengambil teladan daripada kehidupan Rasulullah sallallaahu alaihi wasallam, kerana orang yang hidup pada zaman baginda termasuk musuh sekali pun memanggil beliau sebagai siddiq dan amin. (As-Siratun Nabawiyah Li Ibn Hisyam). Walhal musuh-musuhnya amat membenci kepada Rasulullah SAW. Begitu juga dengan setiap patah perkataannya amat dijaga

sehinggakan pernah ketika baginda mengumpulkan semua keluarganya dan pembesar-pembesar Mekah dan berkata: Jika aku katakan kepada kamu bahawa di sebalik bukit itu ada musuh bersembunyi, yang tidak kamu lihat, adakah kamu percaya?. Walaupun jelas bahawa perkara yang tidak mungkin terjadi di sebalik bukit ada askar, namun semua sepakat mengatakan: Wahai Muhammad! (sallallaahu alaihi wasallam) engkau tidak pernah berdusta, sebab itu kami percaya. (Sahih Bukhari). Lantaran itu sekiranya kita yakin bahawa dengan berpegang teguh kepada kejujuran dalam hidup, mudah-mudahan kehidupan kita juga akan lebih aman dan tenteram. Nescaya orang juga akan lebih respek dengan keperibadian yang dimilikinya. - *Penulis adalah Pegawai Psikologi HEP Universiti Malaysia Sabah*